



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH

**SABAH  
HEBAT!**

Katakan Tidak Kepada No 16

# MODUL 360°

# EKONOMI TINGKATAN 5

| Guru Ekonomi Negeri Sabah | 2020 |

**SEKAPUR SIRIH SEULAS PINANG**

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Mistirine Radin**  
**Pengarah Pendidikan Negeri Sabah**

Salam sejahtera kepada semua warga pendidikan dan calon SPM di negeri Sabah.

Sabah Hebat!  
Katakan Tidak Kepada Nombor 16.



Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi warga pendidikan di Malaysia dan dunia amnya. Wabak Pandemik Covid 19 telah membawa perubahan ketara dalam sistem pembelajaran negara. Sesi persekolahan terpaksa ditangguhkan selama hampir 3 bulan. Oleh yang demikian, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah mencadangkan penghasilan modul pembelajaran yang dapat membantu murid terutamanya calon SPM 2020.

Bersyukur kita kepada Tuhan kerana dengan keizinan dan limpah-Nya, modul pembelajaran SPM berjaya dihasilkan. Panel penulis modul ini adalah terdiri daripada Guru Cemerlang, Pemeriksa Kertas SPM, Pegawai JPN Sabah, Sektor Pembelajaran, Pegawai SISC+ dan Ketua Bidang. Adalah diharapkan warga pendidik dan calon SPM di negeri Sabah dapat memanfaatkan modul-modul tersebut dalam PdP dan mampu memberi impak kepada murid untuk melakar keputusan cemerlang dalam SPM tahun ini.

Oleh itu, saya merakamkan sekalung penghargaan terima kasih dan tahniah kepada Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan semua panel pembina modul SPM atas komitmen dan usaha jitu dalam terhasilnya modul pembelajaran ini.

Akhir kata, saya mendoakan kesejahteraan buat semua warga pendidikan serta terus bersama-sama menjayakan agenda pendidikan Negara demi melahirkan generasi masyarakat Malaysia yang cemerlang dan gemilang.

Sekian. Selamat Maju Jaya.

## SEULAS KATA SETINTA BICARA

**Tuan Haji Abidin bin Marjan**  
**Timbalan Pengarah,**  
**Sektor Pembelajaran,**  
**Jabatan Pendidikan Negeri Sabah**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh dan salam sejahtera.

Salam Sabah Hebat!  
 Katakan Tidak Kepada Nombor 16.

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, kita diberikan kekuatan dan kesihatan untuk menggalas tanggungjawab hakiki dengan penuh dedikasi. Alhamdulillah modul pembelajaran SPM dapat dizahirkan.

Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan sekalung penghargaan kepada Jawatan kuasa Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan semua pembina modul yang telah bertungkus lumus untuk menyiapkan modul ini.

Besarlaha harapan saya agar warga pendidik diamanahkan sebagai pembentuk bangsa dan agama.

Setiap guru perlu ada “jiwa pendidik atau roh guru”. Guru bukanlah hanya menghabiskan sukatan dan rancangan mengajar semata-mata tetapi perlu mendidik dan membentuk jati diri murid tanpa rasa jemu. Hal ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dalam tahun akhir Gelombang Ke-2(2016-2020) yang mengharapka murid berupaya bersaing pada peringkat global melalui 6 aspirasi murid.

Seiring dengan itu, adalah diharapkan warga pendidik mempelbagaikan teknik mengajar agar PdP lebih cemerlang dan berkesan serta memanfaatkan modul ini sebagai bahan latih tubi berfokus menjelang peperiksaan SPM pada tahun ini.

Akhir bicara, syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja dan panel penulis modul atas kegigihan dan kesungguhan sehingga terhasilnya buah tangan ini. Tiada yang lebih bermakna buat kita sebagai guru melihat anak didik kita berjaya dalam semua aspek yang diceburi. Jangan biarkan air mata kegagalan dalam diri murid kita tetapi siramilah mereka dengan air mata kejayaan.

Ayuh ! warga guru kita bangkit sederap, senada seirama melonjatkan prestasi murid dan mencapai kualiti kecemerlangan SPM 2020 Negeri Sabah.

Sekian. Terima Kasih.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan izin-Nya, Modul Ekonomi Negeri Sabah akhirnya dapat diterbitkan . Penerbitan modul ini melibatkan banyak pengorbanan masa dan tenaga. Sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat :

1. Yang Berbahagia Datuk Dr. Mistirine Radin  
Pengarah Pendidikan Negeri Sabah
2. Tuan Haji Abidin bin Marjan  
Timbalan Pengarah,  
Sektor Pembelajaran,  
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
3. Tuan Zagina @ Sulaiman Bin Achmad  
Ketua Penolong Pengarah  
Unit TVET  
Sektor Pembelajaran  
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
4. Samsuddin Bin Ijum  
SMK Tawau
5. Masni Binti Tanra  
SMK Tawau
6. Marlina Binti Ismail  
SMK Tansau Penampang
7. Kamariah Binti Liashin  
SMK Tansau Penampang
8. Mohd. Ridzuan Bin Md. Shariff  
SMKA Tun Said Kota Belud
9. Kung Yen Fung  
SMK Agaseh Lahad Datu
10. Sapariah Binti Muhammad  
SMK Pasir Putih Tawau
11. Sabaruddin Bin Japar  
SM Islamiah Tawau

## **KANDUNGAN MATA PELAJARAN EKONOMI TINGKATAN 5**

### **5.0 Ekonomi dan Kerajaan**

#### **Standard Kandungan**

5.1 Peranan Kerajaan dalam Ekonomi

5.2 Penunjuk Ekonomi

5.3 Alat Dasar Ekonomi

### **6.0 Malaysia dan Ekonomi Global**

#### **Standard Kandungan**

6.1 Globalisasi

6.2 Perdagangan Antarabangsa

6.3 Imbangan Pembayaran

6.4 Kadar Pertukaran Asing

## GARIS PANDUAN MODUL

1. Pelajar wajib menguasai konsep ekonomi untuk memudahkan pelajar menjawab soalan Objektif dan soalan bahagian A.
2. Soalan Objektif adalah wajib untuk dikuasai oleh pelajar .
3. Soalan Objektif pastikan pelajar mendapat 30 markah ke atas daripada 40 soalan.
4. Bahagian A soalan Esei kebanyakan daripada soalan konsep ekonomi berbanding soalan KBAT.
5. Bahagian A soalan Esei pastikan pelajar mendapat 30 markah ke atas daripada 60 markah.
6. Bahagian B soalan Esei terdiri daripada soalan KBAT yang banyak membantu pelajar jika dikuasai dengan memberikan latihan yang berterusan.
7. Formula mudah untuk mendapat kepujian dalam ekonomi SPM
  - Pastikan soalan Objektif mendapat 30 markah ke atas.
  - Soalan Esei mendapat 40% markah daripada 100% markah.
8. Formula mudah untuk mendapat Gred A dalam ekonomi SPM
  - Pastikan soalan Objektif mendapat 30 markah ke atas.
  - Soalan Esei mendapat 60% markah daripada 100% markah.
9. Latihan yang berterusan dan komitmen semua guru pasti akan membawa kejayaan kepada para pelajar dalam Ekonomi SPM.

Ekonomi dan Kerajaan

# Bab Lima



## **5.1 PENGUKUHAN KONSEP**

1. Senaraikan 4 peranan kerajaan

- a- \_\_\_\_\_
- b- \_\_\_\_\_
- c- \_\_\_\_\_
- d- \_\_\_\_\_

2. Matlamat kerajaan mengawal monopoli semulajadi

- a- \_\_\_\_\_
- b- \_\_\_\_\_
- c- \_\_\_\_\_

3. Empat ciri pasaran monopoli semulajadi kerajaan

- a- \_\_\_\_\_
- b- \_\_\_\_\_
- c- \_\_\_\_\_
- d- \_\_\_\_\_

4. Objektif makroekonomi terdiri daripada \_\_\_\_\_ ,  
\_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_

5. Nyatakan tindakan kerajaan mengawal selia eksploitasi pengguna

- a- \_\_\_\_\_
- b- \_\_\_\_\_
- c- \_\_\_\_\_
- d- \_\_\_\_\_
- e- \_\_\_\_\_



6. Nyatakan jenis inflasi bagi punca-punca berikut

Punca	Jenis Inflasi
Kejatuhan nilai mata wang tempatan dan berlaku inflasi di negara pengimport	
Kos buruh naik	
Penawaran wang bertambah dan tingkat pendapatan naik	

7. Nyatakan jenis pengangguran berdasarkan pernyataan yang diberi.

Pernyataan	Jenis Pengangguran
Perubahan permintaan terhadap suatu kemahiran	
Peningkatan penggunaan automasi dalam sektor pembuatan	
Beratus-ratus graduan setiap tahun bersaing untuk mendapat pekerjaan yang terhad	
Jepun mengalami pengurangan pendapatan negara selama dua tahun	

8. Perbezaan dasar fiskal dan fiskal menguncup

Dasar fiskal mengembang	Perbezaan	Dasar fiskal menguncup
	Maksud	
	Tujuan	
	Masalah ekonomi diatasi	

9. Berdasarkan pernyataan di bawah ini, kenal pasti jenis cukai langsung

a- Encik Misbun perlu membayar cukai apabila menandatangani surat perjanjian pembelian rumah

\_\_\_\_\_

b- Syarikat Asdi berhad membayar cukai sebanyak 19% daripada keuntungannya kepada kerajaan

\_\_\_\_\_

c- Syarikat Shell membayar 38 % daripada jumlah pendapatannya

\_\_\_\_\_

d- Puan Aisyah membayar cukai untuk membolehkan pihak berkuasa tempatan membiayai kemudahan di tamannya.

\_\_\_\_\_

10. Nyatakan jenis dan bentuk cukai yang berikut

Komponen	Jenis Cukai	Bentuk Cukai
Cukai Pendapatan individu		
Cukai Jualan dan Perkhidmatan		
Cukai Pendapatan Petroleum		
Duti Eksais		

11. Kenal pasti bentuk cukai tersebut

a- Semakin tinggi pendapatan, semakin rendah kadar cukai

(\_\_\_\_\_)

b- Semakin tinggi pendapatan, semakin tinggi kadar cukai

(\_\_\_\_\_)

c- Semakin tinggi pendapatan, kadar cukai adalah tetap

(\_\_\_\_\_)

## 12. Perbezaan Perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan

Perbelanjaan Mengurus	Perbezaan	Perbelanjaan pembangunan
	Maksud	
	Jangka masa	
	Tujuan	
	Contoh	

## 13. Padankan mengikut perbelanjaan pembangunan yang sesuai



i- Diberikan oleh kerajaan untuk membantu firma kurangkan kos pengeluaran dan harga barang akan turun.

\_\_\_\_\_

ii- Bayaran sekali sahaja kepada kakitangan awam yang telah tamat perkhidmatan dan diberikan bayaran bulanan separuh daripada jumlah gaji.

\_\_\_\_\_

iii- Bayaran gaji atau upah.

\_\_\_\_\_

iv- Penyelenggaraan dan pembaikan harta jabatan kerajaan

\_\_\_\_\_

v- Bayaran faedah dan bayaran balik pokok kerana membuat pinjaman

\_\_\_\_\_

vi- Bantuan pakej rangsangan ekonomi sempena covid

\_\_\_\_\_

vii- Digunakan untuk membiayai kerja penyelenggaraan jalan raya

\_\_\_\_\_

14. Senaraikan 3 jenis belanjawan iaitu belanjawan \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_

15. Lengkapkan jadual tersebut

Belanjawan lebihan	Ciri-ciri	Belanjawan Defisit
	Mengatasi Masalah	
	Perbelanjaan Kerajaan	
	Kadar Cukai	

16. Kesan tindakan dasar tersebut terhadap ekonomi

Menambahkan Perbelanjaan	Kesan	Mengurangkan Pebelanjaan
	Pertumbuhan ekonomi	
	Peluang Pekerjaan	
	Kadar Pengangguran	
	Pendapatan Masyarakat	
	Permintaan Barang Masyarakat	
	Dapat selesaikan masalah ekonomi	

17. Kesan tindakan dasar tersebut terhadap ekonomi

Menurunkan Kadar Cukai	Kesan	Menaikkan Kadar Cukai
	Pendapatan Boleh Guna	
	Kuasa beli	
	Permintaan Barang Masyarakat	
	Harga Barang	
	Pertumbuhan ekonomi	
	Dapat selesaikan masalah ekonomi	

18. Lengkapkan jadual dasar kewangan berikut

Dasar Kewangan Mengembang	Ciri ciri	Dasar Kewangan Menguncup
	Matlamat Dasar	
	Menyelesaikan Masalah ekonomi?	
	Penawaran wang	
	Aktiviti Pengeluaran Barang	
	Kesan Pertumbuhan ekonomi	
	Peluang Pekerjaan	
	Kadar Pengangguran	
	Pendapatan masyarakat	
	Kuasa beli masyarakat	
	Permintaan agregat	

19. Alat dasar kewangan yang dilaksanakan oleh \_\_\_\_\_ terdiri daripada :

- a- \_\_\_\_\_
- b- \_\_\_\_\_
- c- \_\_\_\_\_
- d- \_\_\_\_\_
- e- \_\_\_\_\_

20. Rizab tunai simpanan wajib disimpan di bank \_\_\_\_\_

21. Rizab kanun simpanan wajib disimpan di bank \_\_\_\_\_

22. Surat jaminan kerajaan adalah surat bertulis yang dikeluarkan oleh \_\_\_\_\_ untuk memperoleh \_\_\_\_\_ daripada masyarakat atau institusi kewangan.

23. Kadar faedah adalah \_\_\_\_\_ yang ditanggung oleh \_\_\_\_\_ semasa membuat pinjaman.

24. Menjual surat jaminan, bermakna kerajaan \_\_\_\_\_ kepada orang ramai.

25. Membeli surat jaminan, bermakna kerajaan \_\_\_\_\_ kepada orang ramai.

26. Perbandingan Rizab Tunai dan Rizab Berkanun

Rizab Berkanun/ Rizab Tunai dinaikkan	Ciri Ciri	Rizab Berkanun/ Rizab tunai diturunkan
	Keupayaan memberi pinjaman	
	Bekalan wang	
	Kuasa beli masyarakat	
	Tingkat harga barang	
	Digunakan semasa ekonomi?	

27. Lengkapkan jadual berikut dengan tindakan yang perlu dilakukan.

Keadaan	Inflasi	Deflasi/Kemelesetan
Rizab Berkanun		
Rizab Tunai		
Syarat Sewa Beli		
Surat Jaminan		
Kadar Faedah		

28. Lengkapkan Jadual berikut

Syarat Sewa Beli Diketatkan	Kesan	Syarat Sewa Beli Dilonggarkan
	Deposit Pinjaman	
	Tempoh Bayaran Balik	
	Kadar Faedah	
	Permintaan barang	
	Harga barang	
	Selesaikan masalah ekonomi?	

29. Lengkapkan jadual berikut

Menjual Surat Jaminan	Kesan	Membeli surat jaminan
	Tindakan orang ramai @ institusi kewangan	
	Aliran wang tunai	
	Keupayaan Bank Perdagangan memberi Pinjaman	
	Bekalan wang	
	Kuasa beli masyarakat	
	Tingkat Harga Barang	
	Sesuaikan selesaikan keadaan ekonomi?	

30. Sesuaikan keadaan tindakan tersebut kepada keadaan ekonomi.

Kadar Faedah Dinaikkan	Kesan	Kadar Faedah diturunkan
	Kos pinjaman	
	Beban hutang peminjam	
	Jumlah pinjaman	
	Bekalan wang	
	Kuasa beli masyarakat	
	Tingkat harga barang	
	Digunakan untuk keadaan ekonomi?	

31. Kadar faedah terapung \_\_\_\_\_ mengikut kadar rujukan sepanjang tempoh pinjaman manakala kadar faedah tetap \_\_\_\_\_ sepanjang tempoh pinjaman.

32. Kesan Alat Dasar Fiskal iaitu kadar cukai dan perbelanjaan Kerajaan terhadap objektif makroekonomi negara

Objektif Makroekonomi	1. Cukai Dinaikkan 2. Perbelanjaan Kurang	1. Cukai Diturunkan 2. Perbelanjaan bertambah
Guna tenaga		
Kestabilan Harga		
Pertumbuhan ekonomi		
Kestabilan imbangan pembayaran		




## 33. Kesan Alat Dasar Kewangan terhadap objektif makroekonomi negara

Objektif Makroekonomi	Rizab tunai turun Rizab berkanun turun Syarat sewa beli longgar Membeli surat jaminan	Rizab tunai naik Rizab berkanun naik Syarat sewa beli ketat Menjual surat jaminan
Guna tenaga		
Kestabilan harga		
Pertumbuhan ekonomi		
Kestabilanimbangan pembayaran		

## **5.2 SOALAN OBJEKTIF**

1. Apakah jenis barang yang dikeluarkan oleh kerajaan?
  - I Barang awam
  - II Barang sosial
  - III Barang ekonomi
  - IV Barang percuma
  - A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D III dan IV
  
2. Apakah kepentingan kerajaan dalam majikan?
  - A Menjana pendapatan
  - B Mengekang masyarakat
  - C Mengeluarkan barang sosial
  - D Mengehendkan bilangan penjawat awam
  
3. Guna tenaga penuh boleh dianggap sebagai
  - A taraf hidup menurun
  - B jumlah keluaran menurun
  - C kegiatan ekonomi berkurang
  - D tenaga buruh adalah maksimum

4. Maklumat di bawah berkaitan dengan kesan inflasi.



Apakah kesan lain akibat daripada inflasi ekonomi?

- I Firma mengalami kerugian
  - II Pengangguran meningkat
  - III Kos sara hidup meningkat
  - IV Kuasa beli menurun
- A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan III  
 D III dan IV
5. Pertumbuhan ekonomi akan memberi kesan yang berikut, **kecuali**
- A pengurangan kuasa beli
  - B peningkatan guna tenaga
  - C kadar pengangguran menurun
  - D pertambahan peluang pekerjaan
6. Apakah tujuan kerajaan memberi subsidi?
- A Mengawal harga barang
  - B Meningkatkan kos pengeluaran
  - C Menampung pengeluaran modal
  - D Menggalakkan pengangguran maksimum
7. Apakah peranan kerajaan dalam mencapai objektif pertumbuhan ekonomi?
- A Mengawal kuasa pasaran
  - B Mengawal aliran wang negara
  - C Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan
  - D Penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang serba lengkap

8. Apakah faktor berlakunya inflasi tarikan permintaan?

- I Peningkatan harga barang import
  - II Peningkatan faktor pengeluaran
  - III Peningkatan tingkat pendapatan
  - IV Peningkatan penawaran wang
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D III dan IV

9. Apakah kesan inflasi terhadap eksport negara?

- A Pendapatan negara meningkat
- B Barangan eksport akan lebih murah
- C Permintaan barangan tempatan berkurangan
- D Barangan eksport dapat bersaing di pasaran

10. Berikut merupakan suatu situasi.

**Kadar Pengangguran bawah 4%**

Apakah yang dapat dikaitkan dengan situasi tersebut?

- A Guna tenaga seimbang
- B Guna tenaga kurangan
- C Guna tenaga lebihan
- D Guna tenaga penuh

11. Pengangguran kitaran merujuk kepada

- I ekonomi adalah stabil
  - II pengurangan pengeluaran
  - III firma meneruskan pengoperasian
  - IV buruh kehilangan pekerjaan
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

12. Antara yang berikut, manakah kesan pengangguran terhadap sosial?
- I kehilangan kemahiran
  - II aktiviti eksport terjejas
  - III perbalahan dalam keluarga
  - IV pendapatan negara meningkat
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV
13. Apakah peranan kerajaan dalam mencapai objektif pertumbuhan ekonomi?
- A Mengawal aliran wang negara
  - B Menyediakan barang awam dan barang sosial
  - C Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan
  - D Menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang lengkap
14. Negara yang mempunyai guna tenaga yang tinggi
- A akan mengurangkan kadar inflasi
  - B mampu mencapai imbalan pembayaran seimbang
  - C berkeupayaan mencapai pertumbuhan ekonomi yang stabil
  - D mampu meningkatkan kuantiti barang dan perkhidmatan
15. Indeks harga pengguna (IHP) mengukur
- A perubahan tingkat harga umum dalam tempoh tertentu
  - B perubahan kuasa beli pengguna dalam tempoh tertentu
  - C harga purata sekumpulan barang dan perkhidmatan untuk tempoh tertentu
  - D harga sekumpulan barang yang digunakan oleh pengguna untuk tempoh setahun

16. Pernyataan di bawah berkaitan dengan indeks harga pengguna di Malaysia.

**Indeks harga pengguna (IHP) Malaysia pada tahun 2017 ialah 118.5 berbanding dengan 115.3 pada tahun 2016.**

Hitungkan kadar inflasi pada tahun 2017.

- A 2.53
- B 2.70
- C 2.78
- D 2.93

17. Sesebuah negara dianggap sudah mencapai guna tenaga penuh jika kadar pengangguran

- A kurang daripada 5%
- B kurang daripada 4%
- C antara 3% hingga 5%
- D antara 5% hingga 7%

18. Penurunan kadar pengangguran akan menyebabkan

- A kenaikan kadar upah buruh
- B peningkatan masalah sosial
- C pengurangan sumber kerajaan
- D ketidakcekapan dalam pengeluaran

19. Inflasi memberi kesan terhadap aspek berikut, **kecuali**

- A eksport
- B simpanan
- C pendapatan
- D syarat sewa beli

20. Inflasi akan mengurangkan tabungan masyarakat. Pernyataan manakah yang tepat berdasarkan pernyataan tersebut.

- A Terpaksa mengeluarkan simpanan
- B Peningkatan nilai mata wang negara
- C Kerugian dalam perniagaan
- D Menggalakkan simpanan

21. Apakah kesan inflasi terhadap eksport negara?

- A Hasil negara meningkat
- B Barang eksport menjadi lebih murah
- C Permintaan barang tempatan berkurang
- D Barang eksport dapat bersaing di pasaran luar

22. Berdasarkan maklumat berikut, **R** ialah

$$\text{Pengangguran} + \text{Guna tenaga} = \mathbf{R}$$

- A tenaga buruh
- B tenaga pekerja
- C sumber ekonomi
- D guna tenaga penuh

23. Faktor yang akan menyebabkan berlakunya inflasi tarikan adalah

- I peningkatan harga barang import
  - II peningkatan faktor pengeluaran
  - III peningkatan tingkat pendapatan
  - IV peningkatan penawaran wang
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

24. Maklumat dibawah berkaitan dengan satu program yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan Malaysia



Program tersebut dapat mengurangkan

- A pengangguran kitaran dan pengangguran geseran
- B pengangguran kitaran dan pengangguran bermusim
- C pengangguran geseran dan pengangguran berstruktur
- D pengangguran bermusim dan pengangguran berstruktur

25. Taraf hidup penduduk sesebuah negara dapat diukur berdasarkan

- A jumlah penduduk
- B pendapatan perkapita penduduk
- C jumlah pendapatan bulanan penduduk
- D bilangan firma yang beroperasi dalam ekonomi

26. Bagaimanakah kemajuan teknologi dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara?

- A Meningkatkan modal negara
- B Meningkatkan kecekapan pengeluaran
- C meningkatkan penggunaan guna tenaga
- D Meningkatkan penggunaan sumber tempatan



27. Bagaimanakah pertumbuhan ekonomi mempengaruhi taraf pendidikan masyarakat?

- I Peningkatan firma pengeluaran
  - II Penyediaan institusi pendidikan
  - III Perkembangan badan bukan kerajaan
  - IV Peningkatan kemahiran dan pengetahuan
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

28. Apakah tujuan kerajaan melaksanakan dasar fiskal?

- A Pengangguran yang positif
- B Kestabilan ekonomi dicapai
- C Jurang pendapatan dirapatkan
- D Menambah jumlah barang eksport

29. Sumber pendapatan kerajaan terdiri daripada

- I Levi
  - II Duti eksport
  - III Royalti petroleum
  - IV Bayaran denda dan penalti
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

30. Cukai berkadar malar merujuk kepada

- A kadar cukai tetap
- B kadar cukai lebihan
- C kadar cukai seimbang
- D kadar cukai kurangan

31. Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan.

**Perbelanjaan penyelenggaraan dan pembaikan harta,  
pembelian bekalan dan bahan.**

Kategori perbelanjaan kerajaan di atas adalah

- A Emolumen
- B Pemberian subsidi
- C Bayaran khidmat hutang
- D Bekalan dan perkhidmatan

32. Apakah alat dasar kewangan yang digunakan Bank Pusat untuk mengawal ekonomi negara?

- I Syarat jual beli
- II Kadar faedah
- III Bil perbendaharaan
- IV Nisbah rizab berkanun

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

33. Dasar kewangan menguncup boleh dilaksanakan melalui

- I menaikkan kadar faedah
- II menjual surat jaminan kerajaan
- III melonggarkan syarat sewa beli
- IV menurunkan nisbah rizab berkanun

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

34. Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan dasar kewangan mengembang?

- A Penurunan kadar faedah
- B Peningkatan nisbah rizab berkanun
- C Peningkatan kadar cukai pendapatan syarikat
- D Penurunan kadar cukai barang dan perkhidmatan

Soalan 35 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan seperti dibawah

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

35. I Imbangan pembayaran defisit menyebabkan nilai mata wang tempatan jatuh.  
 II Imbangan pembayaran lebih menyebabkan rizab pertukaran asing bank pusat bertambah.
36. I Keadaan pengangguran dalam sesebuah negara menunjukkan pembaziran sumber ekonomi kerana faktor buruh tidak digunakan sepenuhnya.  
 II Sesebuah negara akan mencatat pendapatan sebenar yang lebih tinggi daripada pendapatan negara potensi apabila berlakunya pengangguran.
37. I Cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) sejenis cukai langsung.  
 II Cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) merupakan jenis cukai berkadar regresif.

38. I Inflasi tarikan permintaan merupakan kenaikan tingkat harga umum apabila permintaan agregat melebihi penawaran agregat.
- II Kadar pengangguran merujuk kepada nisbah antara 15 tahun hingga 64 tahun yang sedang bekerja dan aktif mencari pekerjaan.
39. I Bank perdagangan wajib menyimpan sejumlah wang pada kadar tetap di bank pusat.
- II Semakin tinggi rizab berkanun, semakin kurang keupayaan bank perdagangan memberikan pinjaman.
40. I Pengiraan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia merangkumi pendapatan yang diterima oleh rakyat Malaysia tanpa mengira sama ada dalam atau luar negara.
- II Kerajaan mengawal eksternaliti negatif melalui Akta Kualiti Alam Sekitar.

**5.3 SOALAN BAHAGIAN A**

1. (a) Terangkan peranan kerajaan sebagai pengeluar.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[6 markah]

(b) Nyatakan empat ciri pasaran monopoli semula jadi.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Nyatakan empat peranan kerajaan untuk mencapai objektif makroekonomi negara.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

2. Jelaskan barang awam dan barang sosial.

.....

.....

.....

.....


.....

.....

.....

[6 markah]

3. Gambar di bawah menunjukkan eksternaliti negatif.



(a) Nyatakan cara selain eksternaliti negatif yang dapat menjejaskan kebajikan masyarakat oleh firma.

.....

[1 markah]

(b) Bagaimanakah peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluaran tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

4. (a) Terangkan jenis-jenis inflasi dalam ekonomi.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[6 markah]

(b) Huraikan kesan-kesan inflasi.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[6 markah]

5. (a) Takrifkan pengangguran.

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Terangkan jenis-jenis pengangguran dalam ekonomi.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[6 markah]

(c) Jelaskan kesan-kesan pengangguran terhadap :

(i) Individu

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(ii) Sosial

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(iii) Ekonomi negara

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]



6. (a) Maklumat di bawah berkaitan dengan penduduk Malaysia.

Jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2019 ialah 32,500,000 orang. Kadar penyertaan buruh adalah 68.9 dan kadar tenaga buruh 48.77%. Bilangan penganggur pada jumlah 517,000 orang

Hitungkan:

(i) Bilangan tenaga buruh

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

(ii) Kadar pengangguran

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Apakah langkah kerajaan untuk menangani masalah pengangguran dalam masyarakat.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

7. (a) Jelaskan kepentingan mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan bagi Malaysia.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Maklumat dibawah menunjukkan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun 2014 hingga tahun 2019 (2014 = 100)

Tahun	Kadar pertumbuhan ekonomi (%)
2014	-
2015	5.09
2016	4.45
2017	5.74
2018	4.74
2019	4.33

(Sumber: Bank Dunia, 2020)

Terangkan pola arah aliran kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia dari tahun 2014 hingga tahun 2019.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

8. Terangkan empat faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[8 markah]

9. (a) Mengapakah pertumbuhan ekonomi antara negara sedang membangun dan negara maju berbeza? Berikan alasan anda.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[6 markah]

(b) Nyatakan empat kemudahan infrastruktur fizikal yang kerajaan Malaysia sediakan akibat pertumbuhan ekonomi negara.

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

10. (a) Bandingkan dasar fiskal mengembang dengan dasar fiskal menguncup. [5 markah]

(i) Persamaan

.....  
.....  
.....  
.....

(ii) Perbezaan

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

(b) Terangkan tiga komponen cukai langsung.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[6 markah]

11. (a) Nyatakan **lima** komponen hasil bukan cukai.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[5 markah]

(b) Huraikan **dua** komponen cukai tak langsung.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

12. (a) Takrifkan cukai berkadar malar.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan kesan cukai progresif dan cukai regresif terhadap agihan pendapatan?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

13. (a) Terangkan jenis-jenis belanjawan berikut:

(i) Belanjawan defisit

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

(ii) Belanjawan lebihan

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Huraikan jenis-jenis perbelanjaan kerajaan.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[6 markah]

14. Jelaskan bagaimana dasar kewangan mengatasi masalah inflasi.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[6 markah]

15. Terangkan kesan-kesan berikut terhadap pengguna, firma dan kestabilan ekonomi

(i) Kadar faedah dinaikkan

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(ii) Kadar faedah diturunkan

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

## **5.4 SOALAN BAHAGIAN B**

1. Maklumat di bawah berkaitan dengan sebuah projek pembangunan kerajaan Malaysia.

Projek Lebuhraya Pan Borneo sepanjang 1000 km merupakan projek mega kerajaan yang telah mula dibina pada tahun 2016 dengan kos perbelanjaan hampir RM27 billion. Projek ini akan melancarkan sistem pengangkutan darat antara Sarawak, Brunei dan Sabah serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

- (a) Jelaskan peranan kerajaan berdasarkan maklumat di atas? [6 markah]
- (b) Bagaimanakah projek tersebut membantu mencapai objektif guna tenaga penuh. [5 markah]
- (c) Projek pembinaan lebuhraya ini melancarkan sistem pengangkutan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Bincangkan. [9 markah]
2. Petikan di bawah berkaitan dengan peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif.

Kepesatan pembangunan dan populasi sesebuah negara akan menyebabkan kadar permintaan dan gaya hidup turut berubah. Permintaan terhadap sumber semulajadi juga akan turut meningkat. Pengeluar juga akan mengeksploitasi pengguna. Pengurusan yang tidak terancang akan menyebabkan pencemaran serta menjejaskan kualiti hidup dan alam sekitar. Justeru itu, kerajaan sangat menggalakkan penggunaan teknologi hijau terhadap ekonomi.

- (a) Jelaskan cara eksploitasi pengeluar kepada pengguna. [5 markah]
- (b) Bagaimanakah tindakan kerajaan bagi mengatasi masalah eksternaliti negatif. [6 markah]
- (c) “Kerajaan menggalakkan teknologi hijau”.  
Jelaskan pernyataan tersebut. [9 markah]



3. Maklumat berikut berkaitan tentang cukai yang dikenakan oleh kerajaan.

Kemungkinan pengenalan Cukai Pusaka, Cukai Digital, Cukai Keuntungan Modal dan Cukai Soda serta menaikkan cukai rokok, alkohol dan judi akan diperkenalkan dalam belanjawan 2019.

*Sumber: "https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2018/10/486134/cukai-baharu-apa-pandangan-pakar"*

- (a) Jelaskan jenis cukai di atas. [4 markah]
- (b) Dengan bantuan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan kenaikan cukai terhadap pasaran rokok dan minuman beralkohol. [7 markah]
- (c) Bincangkan kesan perubahan kadar cukai terhadap objektif makroekonomi negara. [9 markah]

4. Maklumat berikut berkaitan dengan belanjawan negara

"Kerajaan membentangkan Belanjawan 2020 dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara supaya hasil negara dapat dikecapi oleh semua rakyat tanpa menjejaskan usaha memulihkan keadaan fiskal negara."

*Sumber: "https://www.bharian.com.my/berita/nasional/"*

- (a) Mengapakah belanjawan negara penting bagi sesebuah negara? [4 markah]
- (b) Jelaskan dua bentuk dasar fiskal untuk menangani masalah ketidakstabilan ekonomi. [7 markah]
- (c) Bagaimanakah pertambahan peruntukan projek infrastruktur di Malaysia seperti Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS), Lebuhraya Pan Borneo dapat memberi impak terhadap ekonomi negara. Bincangkan. [9 markah]

## 5. Maklumat di bawah berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia

KUALA LUMPUR: Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan perlahan 0.7 peratus pada suku pertama 2020, namun mengatasi jangkaan umum sebahagian besar penganalisis yang mengunjurkan penguncupan antara -0.2 peratus hingga -4.2 peratus.

Pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) itu juga lebih rendah berbanding suku keempat 2019 iaitu 3.6 peratus, dan ia juga terendah sejak suku ketiga 2009 ketika krisis kewangan global.

*Sumber: <https://www.bharian.com.my/bisnes/lainlain/2020/05/688249/ekonomi-malaysia-berkembang-07-peratus-pada-suku-pertama-2020>*

- (a) Terangkan **tiga** kepentingan pertumbuhan ekonomi. [6 markah]
- (b) Jelaskan **dua** kaedah mengukur keluaran dalam negara kasar (KDNK) [5 markah]
- (c) Bagaimanakah peningkatan perbelanjaan penggunaan isi rumah Malaysia membawa faedah kepada ekonomi negara? [9 markah]

# Skema Pemarkahan

Ekonomi dan Kerajaan

# Bab Lima



## **SKEMA PEMARKAHAN 5.1 PENGUKUHAN KONSEP**

1. Senaraikan 4 peranan kerajaan (m/s 107)
  - a- **Sebagai pengeluar dan majikan**
  - b- **Mencapai objektif makroekonomi negara**
  - c- **Mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif**
  - d- **Matlamat kerajaan untuk menjaga kebajikan masyarakat dan meningkatkan kemakmuran negara**
  
2. Matlamat kerajaan mengawal monopoli semulajadi (m/s 4)
  - a- **Mengurangkan kos pengeluaran**
  - b- **Mengawal harga barang keluaran**
  - c- **Menambahkan barang atau perkhidmatan awam untuk kebajikan masyarakat**
  
3. Empat ciri monopoli semulajadi kerajaan (m/s 4)
  - a- **Satu firma sahaja**
  - b- **Keluaran tidak ada pengganti**
  - c- **Penentu harga pasaran**
  - d- **Tiada kebebasan keluar masuk industri**
  
4. Objektif makroekonomi terdiri daripada **guna tenaga penuh, kestabilan harga, pertumbuhan ekonomi dan kestabilan imbalan pembayaran.**  
(m/s 7)
  
5. Nyatakan tindakan kerajaan mengawal selia eksploitasi pengguna  
(m/s 14-17)
  1. **Undang -undang dan peraturan**
    - a- **Menyenaraikan sesetengah barang penggunaan asas sebagai barang kawalan**
    - b- **Melaksanakan dasar harga maksimum**
    - c- **Mempamerkan bahan penyediaan makanan dan tarikh luput**
    - d- **Label SIRIM / Logo Halal**

## 2. Subsidi

a- Kerajaan memberi subsidi untuk kurangkan kos pengeluaran agar tiada kenaikan kos kepada pengguna

## 3. Cukai

a- Cukai tinggi dikenakan kepada barang yang membahayakan kesihatan pengguna

(mana-mana pilihan jawapan diatas)

6. Nyatakan jenis inflasi bagi punca-punca berikut (m/s 26 – 29)

Punca	Jenis Inflasi
Kejatuhan nilai mata wang tempatan dan berlaku inflasi di negara pengimport	<b>Inflasi diimport</b>
Kos buruh naik	<b>Inflasi tolak kos</b>
Penawaran wang bertambah dan tingkat pendapatan naik	<b>Inflasi tarikan permintaan</b>

7. Nyatakan jenis pengangguran berdasarkan pernyataan yang diberi.  
(m/s 43 – 45)

Pernyataan	Jenis Pengangguran
Perubahan permintaan terhadap suatu kemahiran	<b>Berstruktur</b>
Peningkatan penggunaan automasi dalam sektor pembuatan	<b>Berstuktur</b>
Beratus-ratus graduan setiap tahun bersaing untuk mendapat pekerjaan yang terhad	<b>Geseran</b>
Jepun mengalami pengurangan pendapatan negara selama dua tahun	<b>Kitaran</b>

## 8. Perbezaan dasar fiskal dan fiskal menguncup (m/s 62 – 63)

Dasar fiskal Mengembang	Perbezaan	Dasar Fiskal Menguncup
<b>Tindakan kerajaan turunkan kadar cukai dan menambahkan perbelanjaan kerajaan</b>	Maksud	<b>Menaikkan kadar cukai dan mengurangkan perbelanjaan kerajaan</b>
<b>Menambahkan permintaan agregat</b>	Tujuan	<b>Mengurangkan permintaan agregat</b>
<b>Kemelesetan</b>	Masalah ekonomi diatasi	<b>Inflasi</b>

## 9. Berdasarkan pernyataan di bawah ini, kenalpasti jenis cukai langsung. (m/s 66 – 67)

- a- Encik Misbun perlu membayar cukai apabila menandatangani surat perjanjian pembelian rumah . **Duti setem**
- b- Syarikat Asdi berhad membayar cukai sebanyak 19% daripada keuntungannya kepada kerajaan. **Cukai pendapatan syarikat**
- c- Syarikat Shell membayar 38 % daripada jumlah pendapatannya. **Cukai pendapatan petroleum**
- d- Puan Aisyah membayar cukai untuk membolehkan pihak berkuasa tempatan membiayai kemudahan di tamannya. **Cukai pintu**

## 10. Nyatakan jenis dan bentuk cukai yang berikut. (m/s 66 – 69)

Komponen	Jenis Cukai	Bentuk Cukai
Cukai Pendapatan individu	<b>Cukai langsung</b>	<b>Cukai progresif</b>
Cukai Jualan dan perkhidmatan	<b>Cukai Tak langsung</b>	<b>Cukai regresif</b>
Cukai Pendapatan Petroleum	<b>Cukai langsung</b>	<b>Cukai berkadar malar</b>
Dui Eksais	<b>Cukai tak langsung</b>	<b>Cukai regresif</b>

11. Kenalpasti bentuk cukai tersebut.. (m/s 72 – 75)

- a- Semakin tinggi pendapatan, semakin rendah kadar cukai. **Cukai regresif**
- b- Semakin tinggi pendapatan, semakin tinggi kadar cukai. **Cukai progresif**
- c- Semakin tinggi pendapatan, kadar cukai adalah tetap.

**Cukai berkadar malar**

12. Perbezaan perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan.  
(m/s 77- 81)

Perbelanjaan Mengurus	Perbezaan	Perbelanjaan pembangunan
<b>Perbelanjaan semasa kerajaan yang berulang-ulang</b>	Maksud	<b>Untuk membiayai pelaburan kerajaan</b>
<b>Jangka masa pendek</b>	Jangka masa	<b>Jangka masa panjang</b>
<b>Melicinkan pengurusan dan pentadbiran harian kerajaan</b>	Tujuan	<b>Meningkatkan pembentukan modal</b>
<b>Membayar emolumen, memberi subsidi</b>	Contoh	<b>Mengubah suai pejabat/ membeli peralatan tentera</b>

13. Padankan mengikut perbelanjaan pembangunan yang sesuai (m/s 78)

- i. **Pemberian subsidi**
- ii. **Pencen dan ganjaran**
- iii. **Emolumen**
- iv. **Bekalan dan perkhidmatan**
- v. **Bayaran khidmat hutang**
- vi. **Biasiswa, dermasiswa dan bantuan kerajaan**
- vii. **Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri**

14. Senaraikan 3 jenis belanjawan iaitu belanjawan **seimbang, defisit** dan **seimbang** (m/s 83)

15. Lengkapkan jadual tersebut m/s 84 - 85

Belanjawan lebihan	Ciri-ciri	Belanjawan Defisit
<b>Inflasi</b>	Mengatasi masalah	<b>Deflasi</b>
<b>Berkurangan</b>	Perbelanjaan kerajaan	<b>Bertambah</b>
<b>Bertambah</b>	Kadar cukai	<b>Berkurangan</b>

16. Kesan tindakan dasar tersebut terhadap ekonomi (m/s 84 – 85)

Menambahkan Perbelanjaan	Kesan	Mengurangkan Pebelanjaan
<b>berkembang</b>	Pertumbuhan ekonomi	<b>perlahan</b>
<b>bertambah</b>	Peluang pekerjaan	<b>berkurangan</b>
<b>berkurangan</b>	Kadar pengangguran	<b>Bertambah</b>
<b>Bertambah</b>	Pendapatan masyarakat	<b>Berkurangan</b>
<b>Bertambah</b>	Permintaan barang masyarakat	<b>Berkurangan</b>
<b>Deflasi</b>	Dapat selesaikan masalah ekonomi	<b>Inflasi</b>

17. Kesan tindakan dasar tersebut terhadap ekonomi (m/s 84 – 85)

Menurunkan Kadar Cukai	Kesan	Menaikkan Kadar Cukai
<b>Bertambah</b>	Pendapatan Boleh Guna	<b>Berkurangan</b>
<b>Bertambah</b>	Kuasa beli	<b>Berkurangan</b>
<b>Bartambah</b>	Permintaan Barang Masyarakat	<b>Berkurangan</b>
<b>Meningkat</b>	Harga Barang	<b>Menurun</b>
<b>Berkembang</b>	Pertumbuhan ekonomi	<b>Perlahan</b>
<b>Deflasi</b>	Dapat selesaikan masalah ekonomi	<b>Inflasi</b>



18. Lengkapkan jadual dasar kewangan berikut (m/s 87 – 88)

Dasar Kewangan Mengembang	Ciri ciri	Dasar Kewangan Menguncup
<b>Menambah bekalan wang</b>	Matlamat dasar	<b>Mengurangkan bekalan wang</b>
<b>Deflasi</b>	Menyelesaikan Masalah ekonomi?	<b>Inflasi</b>
<b>Bertambah</b>	Penawaran wang	<b>Berkurang</b>
<b>Meningkat</b>	Aktiviti pengeluaran barang	<b>Berkurangan</b>
<b>Berkembang</b>	Kesan Pertumbuhan ekonomi	<b>Perlahan</b>
<b>Bertambah</b>	Peluang pekerjaan	<b>Berkurangan</b>
<b>Berkurangan</b>	Kadar pengangguran	<b>meningkat</b>
<b>Bertambah</b>	Pendapatan masyarakat	<b>Berkurangan</b>
<b>Meningkat</b>	Kuasa beli masyarakat	<b>Berkurangan</b>
<b>Bertambah</b>	Permintaan agregat	<b>Berkurangan</b>

19. Alat dasar kewangan yang dilaksanakan oleh **bank pusat** terdiri daripada (m/s 89)

- a- **Rizab tunai**
- b- **Rizab berkanun**
- c- **Syarat sewa beli**
- d- **Surat jaminan kerajaan**
- e- **Kadar faedah**

20. Rizab tunai simpanan wajib disimpan di bank **perdagangan** (m/s 91)
21. Rizab kanun simpanan wajib disimpan di bank **pusat** (m/s 92)
22. Surat jaminan kerajaan adalah surat bertulis yang dikeluarkan oleh **kerajaan** untuk memperoleh **pinjaman** daripada masyarakat atau institusi kewangan. (m/s 93)
23. Kadar faedah adalah **kos** yang ditanggung oleh **peminjam** semasa membuat pinjaman (m/s 94)
24. Menjual surat jaminan, bermakna kerajaan **membuat pinjaman** kepada orang ramai. (m/s 93)
25. Membeli surat jaminan, bermakna kerajaan **menebus pinjaman** kepada orang ramai. (m/s 93)
26. Perbandingan Rizab Tunai dan Rizab Berkanun (m/s 90-91)

Rizab Berkanun/ Rizab Tunai dinaikkan	Ciri Ciri	Rizab Berkanun / Rizab tunai diturunkan
<b>Berkurangan</b>	Keupayaan memberi pinjaman	<b>Bertambah</b>
<b>Berkurangan</b>	Bekalan wang	<b>Bertambah</b>
<b>Berkurangan</b>	Kuasa beli masyarakat	<b>Bertambah</b>
<b>Menurun</b>	Tingkat harga barang	<b>Meningkat</b>
<b>Inflasi</b>	Digunakan semasa ekonomi?	<b>Deflasi</b>

27. Lengkapkan jadual berikut dengan tindakan yang perlu dilakukan.

(m/s 90 – 94)

Keadaan	Inflasi	Deflasi/Kemelesetan
Rizab Berkanun	<b>Dinaikkan</b>	<b>diturunkan</b>
Rizab Tunai	<b>Dinaikkan</b>	<b>diturunkan</b>
Syarat Sewa Beli	<b>Diketatkan</b>	<b>Dilonggarkan</b>
Surat Jaminan	<b>Menjual</b>	<b>Membeli</b>
Kadar Feadah	<b>Dinaikkan</b>	<b>Diturunkan</b>

28. Lengkapkan Jadual berikut (m/s 92)

Syarat Sewa Beli Diketatkan	Kesan	Syarat Sewa Beli Dilonggarkan
<b>Berkurangan</b>	Deposit Pinjaman	<b>Bertambah</b>
<b>Dipendekkan</b>	Tempoh Bayaran Balik	<b>Dipanjangkan</b>
<b>Meningkat</b>	Kadar Faedah	<b>dikurangkan</b>
<b>Berkurangan</b>	Permintaan barang	<b>Bertambah</b>
<b>Menurun</b>	Harga barang	<b>Meningkat</b>
<b>Inflasi</b>	Selesaikan masalah ekonomi?	<b>Deflasi</b>

29. Lengkapkan jadual berikut. (m/s 93)

Menjual surat Jaminan	Kesan	Membeli surat Jaminan
<b>membeli</b>	Tindakan orang ramai @ institusi kewangan	<b>menjual</b>
<b>berkurangan</b>	Aliran wang tunai	<b>bertambah</b>
<b>berkurangan</b>	Keupayaan Bank Perdagangan memberi Pinjaman	<b>bertambah</b>
<b>berkurangan</b>	Bekalan wang	<b>bertambah</b>
<b>berkurangan</b>	Kuasa beli masyarakat	<b>bertambah</b>
<b>menurun</b>	Tingkat Harga Barang	<b>meningkat</b>
<b>inflasi</b>	Sesuaikan selesaikan keadaan ekonomi?	<b>deflasi</b>

30. Sesuaikan keadaan tindakan tersebut kepada keadaan ekonomi. (m/s 94)

Kadar Faedah Dinaikkan	Kesan	Kadar Faedah diturunkan
<b>bertambah</b>	Kos pinjaman	<b>berkurangan</b>
<b>bertambah</b>	Beban hutang peminjam	<b>berkurangan</b>
<b>berkurangan</b>	Jumlah pinjaman	<b>bertambah</b>
<b>berkurangan</b>	Bekalan wang	<b>bertambah</b>
<b>berkurangan</b>	Kuasa beli masyarakat	<b>bertambah</b>
<b>menurun</b>	Tingkat harga barang	<b>meningkat</b>
<b>Inflasi</b>	Digunakan untuk keadaan ekonomi?	<b>deflasi</b>

31. Kadar faedah terapung **berubah** mengikut kadar rujukan sepanjang tempoh pinjaman manakala kadar faedah tetap **tidak berubah** sepanjang tempoh pinjaman. (m/s 96)

32. Kesan Alat Dasar Fiskal iaitu kadar cukai dan perbelanjaan Kerajaan terhadap objektif makroekonomi negara. (m/s 101-102)

Objektif Makroekonomi	1.Cukai Dinaikkan 2.Perbelanjaan kurang	1.Cukai Diturunkan 2.Perbelanjaan bertambah
Guna tenaga	<b>Pengangguran banyak berlaku</b>	<b>Peluang pekerjaan bertambah</b>
Kestabilan Harga	<b>Tingkat harga umum akan menurun</b>	<b>Tingkat harga umum akan meningkat</b>
Pertumbuhan ekonomi	<b>Perlahan (Keluaran negara dan pendapatan negara merosot)</b>	<b>Pesat (keluaran negara dan pendapatan negara meningkat)</b>
Kestabilan imbangan pembayaran	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara merosot</b>	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara meningkat</b>

33. Kesan Alat Dasar Kewangan terhadap objektif makroekonomi negara.  
(m/s 103 – 105)

Objektif Makroekonomi	Rizab tunai turun Rizab berkanun turun Syarat sewa beli longgar Membeli surat jaminan	Rizab tunai naik Rizab berkanun naik Syarat sewa beli ketat Menjual surat jaminan
Guna tenaga	<b>Peluang pekerjaan bertambah</b>	<b>Pengangguran banyak berlaku</b>
Kestabilan harga	<b>Tingkat harga umum akan meningkat</b>	<b>Tingkat harga umum akan menurun</b>
Pertumbuhan ekonomi	<b>Pesat (keluaran negara dan pendapatan negara meningkat)</b>	<b>Perlahan (Keluaran negara dan pendapatan negara merosot)</b>
Kestabilan imbangan pembayaran	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara meningkat</b>	<b>Aliran masuk wang ke dalam negara merosot</b>

**SKEMA PEMARKAHAN 5.2 SOALAN OBJEKTIF**

1.	B	11.	C	21.	C	31.	D
2.	A	12.	B	22.	D	32.	C
3.	D	13.	D	23.	D	33.	A
4.	D	14.	D	24.	C	34.	A
5.	A	15.	C	25.	B	35.	C
6.	A	16.	C	26.	B	36.	A
7.	D	17.	B	27.	C	37.	B
8.	D	18.	A	28.	B	38.	C
9.	C	19.	D	29.	D	39.	A
10.	D	20.	A	30.	A	40.	A

**SKEMA PEMARKAHAN 5.3 SOALAN BAHAGIAN A**

Soalan	Butiran	Markah
1 (a)	H1 - memaksimumkan kebajikan masyarakat H2 - menyediakan barang awam H3 - menyediakan barang sosial H4 - meningkatkan taraf hidup H5 - meningkatkan taraf kesihatan rakyat H6 - menyediakan pendidikan yang berkualiti dan bertaraf tinggi	1 1 1 1 1 1 <b>[6m]</b>
(b)	H1 - wujud firma tunggal sahaja yang mengeluarkan barang/perkhidmatan H2 - barang yang dikeluarkan oleh firma kerajaan tidak dikeluarkan oleh firma lain H3 - harga barang/perkhidmatan ditentukan oleh kerajaan H4 - terdapat halangan untuk firma keluar dan masuk pasaran H5 - contoh perlindungan undang-undang	1 1 1 1 1 <b>[Mak 4m]</b>
(c)	H1 - mewujudkan guna tenaga penuh H2 - mewujudkan kestabilan harga agar dapat menjamin kestabilan kuasa beli masyarakat H3 - meningkatkan pertumbuhan ekonomi H4 - mewujudkan imbalan pembayaran lebihan	1 1 1 1 <b>[4m]</b>
2	Barang Awam H1 - individu dapat gunakan tanpa mengurangkan faedah penggunaan orang lain H2 - tidak boleh menghalang individu lain daripada menggunakannya H3 - penawaran terhad H4 - wujud kos lepas H5 - terdapat pengecualian penggunaannya H6 - dikenakan bayaran yang minimum/percuma H7 - disediakan oleh kerajaan H8 - bertujuan untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat H9 - contoh - balai polis, hospital kerajaan sekolah, balai bomba	1 1 1 1 1 1 1 1 1

	Barang sosial H1 - barang/perkhidmatan yang memberi manfaat yang besar kepada masyarakat H2 - disediakan oleh pihak kerajaan dan pihak swasta H3 - penawaran terhad H4 - wujud kos lepas H5 - meningkatkan kebajikan masyarakat H6 - contoh - loji pembersihan air, Tenaga Nasional Berhad	1 1 1 1 1 1 <b>[Mak 6m]</b>
3 (a)	H1 - mengeksploitasi pengguna	<b>[1m]</b>
(b)	H1 - menguat kuasa undang-undang dan peraturan H2 - pemberian subsidi daripada pihak kerajaan H3 - menaikkan cukai H4 - kaedah pengeluaran mesra alam sebagai insentif kepada pengeluar H5 - kerajaan mengawal pemberian lesen H6 - mengisytiharkan sesetengah barang pengguna sebagai barang kawalan H7 - dasar harga minimum H8 - dasar harga maksimum H9 - kuota H10 - cukai	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 <b>[Mak 6m]</b>
4 (a)	F1 -Inflasi tarikan permintaan H1a - kenaikan tingkat harga umum akibat permintaan masyarakat melebihi penawaran dalam pasaran H1b - berlaku semasa ekonomi negara berada pada guna tenaga penuh F2 - Inflasi tolakan kos H2a - berlaku apabila tingkat harga umum naik kerana peningkatan kos pengeluaran H2b - beban kenaikan kos pengeluaran akan dipindahkan oleh pengeluar kepada pengguna F3 - Inflasi diimport H3a- kenaikan harga barang yang diimport dari luar negara meningkat H3b- berlaku akibat peningkatan kos pengeluaran di negara pengeluar H3c- negara pengimport akan terdedah dengan kesan inflasi dari negara asing H3d- berlaku akibat kejatuhan nilai mata wang sesebuah negara	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 <b>[Mak 6m]</b>



(b)	H1 - pendapatan negara sebenar kurang daripada pendapatan negara potensi H2 - hasil kerajaan kurang kerana hasil kutipan cukai kerajaan berkurang H3 - ketidakcekapan dalam pengeluaran dan pembaziran sumber ekonomi H4 - kehilangan kemahiran dan keyakinan diri H5 - kadar kemiskinan dalam negara meningkat H6 - wujud masalah sosial H7 - peningkatan kes jenayah dalam negara	1 1 1 1 1 1 1 <b>[Mak 6m]</b>
5 (a)	H1 - tenaga buruh yang ingin bekerja dan aktif mencari pekerjaan tetapi tidak mendapat pekerjaan H2 - wujud lebih penawaran buruh	1 1 <b>[2m]</b>
(b)	F1 - Pengangguran kitaran H1 - berlaku apabila keadaan ekonomi dalam keadaan lembap H2 - pengurangan permintaan agregat akibat pengurangan dalam pengeluaran F2 - Pengangguran berstruktur H3 - perubahan dalam struktur ekonomi H4 - kemerosotan dalam industri tertentu menyebabkan pembuangan pekerja seperti sektor perlombongan dan pertanian F3 - Pengangguran geseran H5 - berlaku akibat perpindahan kerajaan/bertukar kerja H6 - berlaku akibat kurang mendapat maklumat pekerjaan H7 - pengangguran berjangka pendek	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 <b>[Mak 6m]</b>
(c)	(i) Individu H1 - kehilangan kemahiran diri H2 - kehilangan keyakinan diri H3 - imej individu jatuh H4 – beban hutang/ hutang tertunggak  (ii) Sosial H5 - peningkatan kadar kemiskinan H6 - masalah kekeluargaan H7 - peningkatan kadar jenayah H8 - taraf hidup masyarakat merosot	1 1 1 1 <b>[Mak 3m]</b>  1 1 1 1 <b>[Mak 3m]</b>

	(iii) Ekonomi negara H9 - pengurangan keluaran negara dan pendapatan negara H10 - penurunan hasil/pendapatan kerajaan H11 - pembaziran sumber buruh/ketidakcekapan sumber H12 – penghalang pertumbuhan ekonomi negara	1 1 1 1 <b>[Mak 3m]</b>
6 (a)	(i) Bilangan tenaga buruh = $32,500,000 \times 48.77\%$ = 15,850,250 orang  (ii) Kadar pengangguran = $\frac{\text{Bilangan penganggur}}{\text{Tenaga buruh}} \times 100$ = $\frac{517,000 \text{ orang}}{15,850,250} \times 100$ = 3.26%	1 1 <b>[2m]</b>  1  1 <b>[2m]</b>
(b)	H1 - menyediakan peluang latihan/kemahiran H2 - mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan H3 - mewujudkan kawasan perindustrian di kawasan tumpuan tertentu H4 - membuka lebih banyak institusi pendidikan TVEK/vokasional/ ILP/Giat Mara/IKM/IKBN	1 1 1 1 <b>[Mak 3m]</b>
7 (a)	H1 - mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan H2 - meningkatkan taraf hidup masyarakat H3 - mengurangkan kadar kemiskinan H4 - menyediakan kemudahan perumahan H5 - merapatkan jurang pendapatan masyarakat H6 - menaik taraf kemudahan kesihatan H7 - menyediakan kemudahan pendidikan  Terima mana-mana jawapan lain yang relevan	1 1 1 1 1 1 1 <b>[Mak 4m]</b>
